moa INCORPORATED

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA
## RABU , 10 JANUARI 2018

1. FRUIT VALLEY, NEWS NIBBLE – THE STAR, 11
2. NEGERI SEMBILAN GAZET LIMA DAERAH SEBAGAI KAWASAN PERTANIAN – KOSMO
3. LIMA DAERAH DI NEGERI SEMBILAN DIGAZET KAWASAN PERTANIAN – UTUSAN MALAYSIA
4. KILANG PADI BAKAL DIBINA DI KERIAN – BERNAMA
5. GUARD : I WANT MY FURBY BACK, NATION – THE STAR, 6
6. LAMBAKAN UDANG DI PASAR DUNGUN BUKAN SEBAB FENOMENA ALAM, NEGARA – KOSMO, 18
7. PENTERNAK IKAN RUGI RM15,000 – SH ONLINE
8. PASAR PAGI SABTU SELEKOH DINAIK TARAF JADI PASAR TANI – BERNAMA

*UKKMOA*

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| KERATAN AKHBAR | BERITA HARIAN<br>UTUSAN MALAYSIA<br>HARIAN METRO<br>SINAR HARIAN | THE SUN<br>UTUSAN MELAYU<br>KOSMO<br>HARAKAH | NEW STRAITS TIMES<br>THE MALAY MAIL<br>THE STAR ✓<br>KEADILAN | TARIKH<br>10 JAN 2018 |
|---|---|---|---|---|
| PERKARA | PERTANIAN ✓<br>PERIKANAN<br>TERNAKAN<br>INDUSTRI ASAS TANI | PENGAIRAN & SALIRAN<br>EKONOMI/PEMASARAN<br>AGRO PELANCONGAN | ALAM SEKITAR<br>ADUAN<br>PELBAGAI | RUANGAN : NEWS NIBBLE<br>Muka Surat 11 |



# Fruit valley

Jelebu Farmers Organisation general manager Rahmat Sohod inspecting a durian tree at an orchard in Titi yesterday. Jelebu is slated to be known as a "fruit valley" that produces local fruits, especially durians. The soil and cool weather conditions in Jelebu, which is surrounded by hills, have resulted in durians with a unique taste. — Bernama

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| KERATAN AKHBAR | BERITA HARIAN<br>UTUSAN MALAYSIA<br>HARIAN METRO<br>SINAR HARIAN | THE SUN<br>UTUSAN MELAYU<br>KOSMO ✓<br>HARAKAH | NEW STRAITS TIMES<br>THE MALAY MAIL<br>THE STAR<br>KEADILAN | TARIKH<br>10 JAN 2018 |
| PERKARA | PERTANIAN ✓<br>PERIKANAN ✓<br>TERNAKAN<br>INDUSTRI ASAS TANI | PENGAIRAN & SALIRAN<br>EKONOMI/PEMASARAN<br>AGRO PELANCONGAN | ALAM SEKITAR<br>ADUAN<br>PELBAGAI | RUANGAN : Online<br>Muka Surat |

Kosmo! Online

# Negeri Sembilan gazet lima daerah sebagai kawasan pertanian

*09 Januari 2018 4:17 PM*



Langkah tersebut sebagai usaha untuk memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi bagi permintaan domestik.

JELEBU - Negeri Sembilan telah menggazetkan lima daerah iaitu Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Tampin dan Rembau sebagai kawasan pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Hasim Rusdi berkata, ini sebagai langkah kerajaan negeri dalam usaha untuk memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk permintaan domestik serta bagi meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

"Daerah Jelebu misalnya mempunyai 145 hektar tanah yang telah pun ditanam dengan pelbagai jenis tanaman serta pokok buah-buahan. Disebabkan itu jugalah, Jelebu amat terkenal dengan destinasi buah-buahan di Negeri Sembilan kepada orang luar.

"Selain durian, buah-buahan terkenal ialah manggis, mangga serta nanas dan kebanyakan buah ini dieksport sampai ke Singapura," katanya dalam ucapan pada majlis 'Moh...makan durian' anjuran Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Jelebu di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Tan Sri Zainal Dahalan, Anggota Dewan Undangan Negeri Klawang, Datuk Yunus Rahmat dan Pengarah LPP negeri, Azizan Abdul Hamid. – K! ONLINE

| KERATAN AKHBAR | | | | TARIKH |
|---|---|---|---|---|
| | BERITA HARIAN | THE SUN | NEW STRAITS TIMES | 10 JAN 2018 |
| | ✓ UTUSAN MALAYSIA | UTUSAN MELAYU | THE MALAY MAIL | |
| | HARIAN METRO | KOSMO | THE STAR | |
| | SINAR HARIAN | HARAKAH | KEADILAN | |
| PERKARA | ✓ PERTANIAN | PENGAIRAN & SALIRAN | ALAM SEKITAR | RUANGAN : ONLINE |
| | PERIKANAN | EKONOMI/PEMASARAN | ADUAN | Muka Surat |
| | TERNAKAN | AGRO PELANCONGAN | PELBAGAI | |
| | INDUSTRI ASAS TANI | | | |


Utusan ONLINE

# Lima daerah di N. Sembilan digazet kawasan pertanian



HASIM RUSDI (dua kiri) dan Zainal Dahalan (tengah) melihat buah durian semasa program 'Moh Makan Durian' di Golden Valley Fruits Park, Titi, Jelebu hari ini. Turut hadir Yunus Rahmat (tiga kanan). - UTUSAN ONLINE/IZZUL AHMAD

Diana Azis
09 Januari 2018 4:27 PM

JELEBU 9 Jan. - Kerajaan Negeri Sembilan menggazetkan lima daerah sebagai kawasan pertanian merangkumi Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Tampin dan Rembau.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Hasim Rusdi berkata, ia merupakan usaha bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk permintaan domestik selain meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

"Jelebu misalnya, mempunyai 145 hektar tanah yang telah ditanam dengan pelbagai jenis tanaman serta pokok buah-buahan dan oleh sebab itu daerah ini dikenali sebagai destinasi buah-buahan di negeri ini.

"Selain durian, buah-buahan seperi manggis, mangga serta nanas turut dieksport ke luar negara seperti Singapura," katanya ketika berucap dalam Program 'Moh makan durian' anjuran Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Jelebu, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Tan Sri Zainal Dahalan; Pengarah LPP negeri, Azizan Abdul Hamid dan Ahli Dewan Undangan Negeri Klawang, Datuk Yunus Rahmat. - UTUSAN ONLINE

| KERATAN AKHBAR | BERITA HARIAN | THE SUN | NEW STRAITS TIMES | TARIKH |
|---|---|---|---|---|
| | UTUSAN MALAYSIA | UTUSAN MELAYU | THE MALAY MAIL | 10 JAN 2018 |
| | HARIAN METRO | ✓ [redacted] BERNAMA | THE STAR | |
| | SINAR HARIAN | HARAKAH | KEADILAN | |
| PERKARA | ✓ PERTANIAN | PENGAIRAN & SALIRAN | ALAM SEKITAR | RUANGAN : ONLINE |
| | PERIKANAN | EKONOMI/PEMASARAN | ADUAN | Muka Surat |
| | TERNAKAN | AGRO PELANCONGAN | PELBAGAI | |
| | INDUSTRI ASAS TANI | | | |

BERNAMA

# Kilang Padi Bakal Dibina Di Kerian

Tarikh kemaskini: 09/01/2018

BAGAN SERAI, 9 Jan (Bernama) -- Sebuah kilang padi bernilai RM5 Juta bakal dibina di daerah Kerian dalam masa terdekat setelah permohonan yang dikemukakan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) diluluskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Pongsu, Datuk Sham Mat Sahat berkata daerah Kerian dipilih menjadi lokasi pembinaan kilang itu kerana ia kawasan jelapang padi terbesar di Perak.

"Buat masa ini pemilihan lokasi masih dalam perbincangan manakala proses pembinaan pula dijangka sedikit lewat bagi memberi laluan kepada pembinaan kilang sama di Terengganu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Titik Sentuhan Kerajaan Negeri Perak anjuran Jabatan Pertanian Negeri Perak di sini, hari ini.

Pada majlis itu, seramai 230 pesawah dari daerah Kerian menerima sumbangan sekotak produk peningkatan hasil padi yang dianggar bernilai RM130 setiap kotak.

Selain itu, Sham bimbang status Kerian sebagai kawasan Jelapang Padi terbesar di Perak mungkin hilang berikutan ramai pesawah kini dilihat cenderung menanam kelapa sawit disebabkan tanaman padi yang tidak menjadi sehingga menyebabkan mereka menanggung kerugian.....

| KERATAN AKHBAR | | BERITA HARIAN | | THE SUN | | NEW STRAITS TIMES | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | UTUSAN MALAYSIA | | UTUSAN MELAYU | | THE MALAY MAIL | 10 JAN 2018 |
| | | HARIAN METRO | | KOSMO | ✓ | THE STAR | |
| | | SINAR HARIAN | | HARAKAH | | KEADILAN | |
| PERKARA | | PERTANIAN | | PENGAIRAN & SALIRAN | | ALAM SEKITAR | RUANGAN : NATION |
| | | PERIKANAN | | EKONOMI/PEMASARAN | | ADUAN | |
| | | TERNAKAN | | AGRO PELANCONGAN | ✓ | PELBAGAI | Muka Surat 6 |
| | | INDUSTRI ASAS TANI | | | | | |


# Guard: I want my Furby back

## Dog owner hopes to be reunited with beloved pet

By **FATIMAH ZAINAL**
fatimah@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Furby the dog may have had its day in court, but all its owner wants is to be reunited with his beloved pet.

Head security guard M. Siva, 40, is happy that the abuser of the white-chocolate male mongrel was slapped with an RM8,000 fine.

However, he is missing Furby terribly, which has been in the care of the Veterinary Services Department for about nine months.

"While I'm happy with how the case ended, I will be even happier when Furby is returned to me," he said when contacted.

So far, Siva said, there was no word from the department about that.

"The dog belongs to me. Of course, I want him back. Although the case is settled, I don't know whether or not they will return the dog.

"No one has called me until now. I love him," Siva said.

Siva is a guard at Taman Melody, Bandar Kinrara, Puchong, where Singaporean businessman Yee Kok Chew, 57, repeatedly bashed the dog with a crash helmet at the guardhouse on April 2 last year.

> The dog belongs to me. Of course, I want him back. Although the case is settled, I don't know whether or not they will return the dog.
>
> M. Siva

Yee's act was captured on video and the clip quickly went viral on social media.

"I'm very happy because even a dog was given justice by the court," said Siva.

"It shows that justice is not only for humans but also for animals. Only a pet owner would know how this victory feels."

Siva claimed he had not visited Furby since the dog was put in the department's care.

"I was not allowed to see him because he was involved in a court matter," he added.

Attempts by *The Star* to get comments from the department and the Agriculture and Agro-Based Industry Ministry were unsuccessful.

Furby was not a guard dog, Siva explained.

"He was kept at the guardhouse because he lives in a flat that is not animal-friendly."

Shortly after the incident, in an exclusive interview with *The Star*, Yee apologised for his actions, saying he "just snapped that day".

US-based outdoor gear manufacturer Osprey Packs severed ties with Yee's Tearproof Sdn Bhd company as its distributor after his attack on the dog.

Yee was charged under Section 44(1)(a) of the Animals Act 1953 (Revised 2006) read together with the Animals Act (Amendment 2013), which provides for a fine of up to RM50,000 or a jail term not exceeding one year, or both, upon conviction.



**Little furball:** Siva was not allowed to see Furby after he was put in the department's care as the dog was involved in a court case. — Bernama

| KERATAN AKHBAR | | | |
|---|---|---|---|
| | BERITA HARIAN | THE SUN | NEW STRAITS TIMES |
| | UTUSAN MALAYSIA | UTUSAN MELAYU | THE MALAY MAIL |
| | HARIAN METRO | ✓ KOSMO | THE STAR |
| | SINAR HARIAN | HARAKAH | KEADILAN |

TARIKH: 10 JAN 2018

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| | PERTANIAN | PENGAIRAN & SALIRAN | ALAM SEKITAR |
| | PERIKANAN | EKONOMI/PEMASARAN | ADUAN |
| | TERNAKAN | AGRO PELANCONGAN | ✓ PELBAGAI |
| | INDUSTRI ASAS TANI | | |

RUANGAN : NEGARA

Muka Surat 18

# Lambakan udang di Pasar Dungun bukan sebab fenomena alam

**KUALA TERENGGANU** – Lambakan udang di Pasar Dungun adalah disebabkan daerah itu mempunyai paling banyak lesen Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT) berbanding daerah lain di negeri ini.



ZAWAWI

Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, lambakan udang tersebut bukan disebabkan fenomena air pasang besar atau pascabanjir yang berlaku baru-baru ini.

Menurutnya, di Terengganu, terdapat 72 buah bot yang diberi lesen PTMT dengan Dungun adalah daerah tertinggi yang mempunyai lesen itu iaitu sebanyak 25 diikuti Kemaman (18), Besut (15), Kuala Terengganu (sembilan), Setiu (empat) dan Marang (satu).

"Sebanyak 53.2 tan metrik udang telah didaratkan di seluruh Terengganu sepanjang Disember lalu dengan Dungun mendaratkan jumlah tertinggi sebanyak 37.5 tan," katanya kepada *Bernama* semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas lambakan udang di Pasar Dungun baru-baru ini dan dijual lebih murah berbanding harga pasaran yang tular di media sosial.

Ketika ini, udang bersaiz sederhana dijual RM20 sekilo (anggaran 25 ekor), udang putih sedang pula RM55 sekilo (anggaran 10 hingga 15 ekor) dan udang harimau (RM80 sekilo).



GAMBAR lambakan udang di Pasar Dungun yang tular di Facebook pada bulan lalu.

| KERATAN AKHBAR | | | |
|---|---|---|---|
| | ☐ BERITA HARIAN | ☐ THE SUN | ☐ NEW STRAITS TIMES |
| | ☐ UTUSAN MALAYSIA | ☐ UTUSAN MELAYU | ☐ THE MALAY MAIL |
| | ☐ HARIAN METRO | ☐ KOSMO | ☐ THE STAR |
| | ☑ SINAR HARIAN | ☐ HARAKAH | ☐ KEADILAN |
| **TARIKH** | 10 JAN 2018 | | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| | ☐ PERTANIAN | ☐ PENGAIRAN & SALIRAN | ☐ ALAM SEKITAR |
| | ☑ PERIKANAN | ☐ EKONOMI/PEMASARAN | ☐ ADUAN |
| | ☐ TERNAKAN | ☐ AGRO PELANCONGAN | ☐ PELBAGAI |
| | ☐ INDUSTRI ASAS TANI | | |
| **RUANGAN :** | ONLINE | | |
| **Muka Surat** | | | |

# Penternak ikan rugi RM15,000

*ERMA YUSNIDA JUSOH*
*9 JANUARI 2018*



*Keadaan kolam ikan yang terjejas akibat banjir. Gambar kecil: Ikan talapia gift yang dihanyutkan air banjir mencecah berat 1.5 kg seekor*

KUANTAN - Kejadian banjir yang berlaku minggu lalu menyebabkan penternak ikan air tawar Projek Ternakan Ikan Air Tawar Berkelompok Kampung Pandan 2 di Zon Industri Akuakultur (ZIA) mengalami kerugian apabila ikan yang diternak di bawa arus banjir.

Ketua Unit Projek Ternakan Ikan Air Tawar Berkelompok Kampung Pandan 2, Abdul Manaf Khalid Ahamad berkata, banjir yang melanda minggu lalu adalah di luar jangkaan.

Menurutnya, dia sudah membuat persediaan dengan memasang jaring setinggi satu meter.

"Bagaimanapun, kolam sedalam 1.5 meter itu ditenggelami banjir walaupun tidak ampuh sepenuhnya.

"Pada masa itu, jumlah ikan di dalam kolam mencecah 10,000 ekor dan sudah tiba masa untuk dijual dengan berat anggaran 1.5 hingga 2 kilogram (kg) ekor," katanya kepada Sinar Harian.

Abdul Manaf berkata, dia yang mempunyai dua kolam dengan ikan talapia gift, talapia dan patin tidak mampu berbuat apa-apa ketika banjir melanda.

Katanya, secara keseluruhannya, terdapat 43 kolam ikan air tawar bagi projek tersebut namun hanya 37 kolam yang aktif di miliki 18 pengusaha.

Sementara itu katanya, kawasan ZIA itu kini kurang diselenggarakan terutama melibatkan kawasan parit yang dipenuhi semak-samun.

"Semak-samun di kawasan kolam menyebabkan air tersekat untuk ke kolam. Ikan juga banyak yang mati kerana kurang oksigen.

"Pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah menyelenggarakan kawasan ini dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya," katanya.

Sebelum ini, penternak di projek itu sudah beberapa menyuarakan masalah bekalan air ke kolam itu yang bermasalah.

| KERATAN AKHBAR | | | | TARIKH |
|---|---|---|---|---|
| | BERITA HARIAN | THE SUN | NEW STRAITS TIMES | 10 JAN 2018 |
| | UTUSAN MALAYSIA | UTUSAN MELAYU | THE MALAY MAIL | |
| | HARIAN METRO | [redacted] ✓ Bernama | THE STAR | |
| | SINAR HARIAN | HARAKAH | KEADILAN | |
| **PERKARA** | PERTANIAN | PENGAIRAN & SALIRAN | ALAM SEKITAR | RUANGAN : ONLINE |
| | PERIKANAN | EKONOMI/PEMASARAN ✓ | ADUAN | Muka Surat |
| | TERNAKAN | AGRO PELANCONGAN | PELBAGAI | |
| | INDUSTRI ASAS TANI | | | |

BERNAMA

# Pasar Pagi Sabtu Selekoh Dinaik Taraf Jadi Pasar Tani

Tarikh kemaskini: 09/01/2018

BAGAN DATUK, 9 Jan (Bernama) -- Pasar Tani Sabtu Selekoh di Rungkup di sini merupakan pasar pagi pertama di negeri Perak yang dinaik taraf oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjadi pasar tani.

Pengarah FAMA negeri Basri Jasmo berkata sebelum ini pihaknya hanya membuka pasar tani baharu di lokasi-lokasi yang dilihat strategik kerana usaha menaik taraf pasar pagi bukan sesuatu yang mudah.

"Tidak semua peniaga (pasar pagi) bersetuju dengan perubahan yang dibawa terutama daripada susun atur kedudukan gerai (pasar tani) yang diberi oleh FAMA.

"Bagaimanapun, dengan adanya pasar tani, kedudukan akan lebih teratur dan pasti menarik kedatangan orang ramai sekaligus menambah pendapatan peniaga," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas program penyerahan peralatan Pasar Tani Sabtu Selekoh kepada 61 peserta di Dewan FAMA di sini yang dirasmikan oleh Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rungkup Datuk Shahrul Zaman Yahya hari ini.....